

SUKAN JOHOR 2011
PERATURAN PERMAINAN PETANQUE
(LELAKI DAN PEREMPUAN)

1. PERATURAN AM

Pertandingan ini tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Federation International de Petanque et Jeu Provecal (FIPJP) dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak penganjur

Sekiranya timbul sebarang pertikaian berkaitan peraturan, maka undang-undang dalam bahasa Inggeris akan digunakan

Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-

Sebarang kejadian am akan diputuskan berdasarkan kepada **PERATURAN AM SUKAN JOHOR 2011**

Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Persatuan Petanque Negeri Johor

Sebarang keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa Teknikal adalah muktamat.

2. TARIKH PERTANDINGAN

Pendaftaran : 14 Disember 2011
Pertandingan : 15 – 18 Disember 2011

3. TEMPAT PERTANDINGAN

Pertandingan akan dijalankan di Gelanggang Petanque Majlis Perbandaran Batu Pahat, Taman Flora, Batu Pahat.

4. PENYERTAAN

Semua Majlis-Majlis Sukan Daerah adalah wajib menyertai Sukan ini.

Pasukan-pasukan dari Majlis Sukan Sekolah-sekolah Johor, Sekolah Sukan Bandar Penawar dan Institut Pengajian Tinggi akan menyertai sukan ini di atas dasar Jemputan.

Setiap pasukan hanya boleh mendaftarkan satu(1) pasukan sahaja yang terdiri lelaki dan perempuan seperti berikut:

	Lelaki	Perempuan
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih Pasukan	1 orang	1 orang
Pemain	6 orang	6 orang
Simpanan	2 orang	2 orang
Jumlah	10 orang	9 orang

Walau bagaimana pun hanya 6 orang peserta akan disahkan sebagai pemain pada 14 Disember 2011.

Setiap pemain dibenarkan menyertai mana-mana dua(2) acara sahaja kecuali acara shooting,

Agihan penyertaan setiap acara adalah seperti berikut:-

Bil	Acara	Penyertaan	
		Lelaki	Perempuan
1	Perseorangan	2 orang	2 orang
2	Bergu	2 pasukan	2 pasukan
3	Bertiga	1 pasukan	1 pasukan
4	Bergu Campuran	2 orang	2 orang
5	Shooting	2 orang	2 orang

5. PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

Hanya peserta yang lahir pada tahun 1.1.1991 atau selepasnya sahaja yang layak didaftarkan sebagai pemain

Semua pasukan hendaklah mengemukakan borang pendaftaran Pasukan dan salinan Kad Pengenalan kepada pihak Jawatankuasa pengelola sebelum 2 Disember 2011

Pemain yang didaftarkan haruslah warga Johor.

(Borang Penyertaan boleh diperolehi secara digit melalui e-mail)

6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

Mesyuarat Pengurus Pasukan akan di adakan satu(1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.

Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan Borang Pendaftaran Pasukan bersama Kad Pengenalan atau dokumen berkaitan yang asal untuk pengesahan.

Pengurus Pasukan akan menyenarai dan mengesahkan 6 orang pemain yang akan bertanding dan menentukan acara yang akan disertai mengikut syarat yang telah ditetapkan.

Sebarang pertukaran atau penambahan peserta **TIDAK DIBENARKAN.**

7. ACARA-ACARA

Acara-acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:-

Acara	Kategori	
	Lelaki	Perempuan
Perseorangan	√	√
Bergu	√	√
Bertiga	√	√
Bergu Campuran	√	√
Shooting	√	√

8. SISTEM PERTANDINGAN

Sistem pertandingan yang akan digunakan dalam pertandingan ini, akan ditentukan oleh Jawatankuasa pertandingan.

9. PAKAIAN

Semua peserta dikehendaki memakai baju 'T' berkolar, seluar slack berwarna putih, beige atau krem dan berkassut sukan. Seluar Jeans **TIDAK DIBENARKAN.**

10. PEGAWAI PERTANDINGAN

Majlis Sukan Negeri dan Majlis Sukan Daerah Batu Pahat akan melantik Ketua Delegat Teknikal dan pegawai-pegawai teknikal setelah berunding dengan pihak Persatuan Petenque Negeri Johor serta tertakluk kepada Peraturan Am.

Sebarang pekara berbangkit akan dirujuk kepada Ketua Pengadil dan keputusannya adalah muktamat.

11. BANTAHAN DAN RAYUAN

Hanya pengurus pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan, Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM500.00 tunai

Wang pertaruhan ini akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar

Semua bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah/Pegawai Teknikal Pertandingan dalam masa 30 minit selepas pertandingan itu tamat

Bantahan status peserta hanya dibenarkan dibuat semasa pusingan pertama/perlawanan pertama sahaja, Bantahan selepas pusingan pertama /perlawanan pertama **TIDAK AKAN DILAYAN.**

12. JAWATANKUASA BANTAHAN /TATATERTIB

Perlantikan Jawatankuasa bantahan /tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah seperti berikut:-

Pengarah Majlis Sukan Negeri /Pengerusi Pertandingan/Wakil

Ketua Delegat Teknikal yang dilantik oleh Majlis Sukan Negeri Johor

Tiga(3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan/tata tertib itu

Jawatankuasa bantahan/tatatertib akan bersidang dalam masa dua(2) jam setelah menerima laporan dari pengadil atau pegawai pertandingan dan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.

Jawatankuasa Tatertib berhak mendapat sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu untuk membuat sesuatu keputusan

13. HADIAH-HADIAH

Pingat-pingat yang disediakan seperti berikut:

Bil	Acara	Pingat		
		E	M	P
1	Perseorangan Lelaki	1(1)	1(1)	2(2)
2	Perseorangan Perempuan	1(1)	1(1)	2(2)
3	Bergu Lelaki	1(2)	1(2)	2(4)
4	Bergu Perempuan	1(2)	1(2)	2(4)
5	Bertiga Lelaki	1(3)	1(3)	2(6)
6	Bertiga Perempuan	1(3)	1(3)	2(6)
7	Bergu Campuran	1(2)	1(2)	2(4)
8	Shooting Lelaki	1(1)	1(1)	2(2)
9	Shooting Perempuan	1(1)	1(1)	2(2)
	JUMLAH	9(16)	1(16)	18(32)

Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap.

Disediakan oleh

Jawatankuasa Teknikal dan
Pertandingan SUKAN JOHOR 2011.

Sekiranya ada sebarang masalah sila hubungi En. Rahmat Atan

Tel : 019-7055456

e-mail : mr.ahat@yahoo.com